



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU**

TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH

Tel : 089-775620, 775621, 762750
Faks : 089-773688
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/tawau/>



Ruj. Kami : JANM.TAW.600-1 Jld 4(13)
Tarikh : 30 April 2023

Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pusat Pembayar Gaji
Daerah Tawau/Semporna/Kunak/Lahad Datu

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PERUBAHAN TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULAN APRIL DAN MEI 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan emel daripada Unit Perakaunan Strategik, Seksyen Perundingan Kewangan & Perakaunan JANM bertarikh 19 April 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2023 – Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2023 berkuat kuasa 11 April 2023**. SPANM tersebut telah dimuat naik ke dalam Portal JANM (www.anm.gov.my) di bawah tab Pekeliling – Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) pada 19 April 2023.
3. SPANM Bil. 3 Tahun 2023 ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/Jabatan mengenai perubahan tarikh pembayaran Emolumen Bulan April dan Mei 2023 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Bersama-sama ini dikemukakan SPANM Bil. 3 Tahun 2023 untuk maklumat dan tindakan tuan/puan selanjutnya.
4. Kerjasama tuan/puan dalam mematuhi perubahan tarikh pembayaran gaji bulan April dan Mei 2023 bagi melancarkan proses pembayaran gaji tersebut amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MUHAMMAD BAIHAQI BIN ABDUL HANAN)

Timbalan Pengarah Operasi
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau.